



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN
OPS MEGA PERANGI AEDES DAN
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI SERTA ZIKA DI MALAYSIA
(Bagi Minggu 42/2016 dari 16 hingga 22 Oktober 2016)**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha untuk mempertingkatkan aktiviti pencegahan penyakit Denggi dan Zika secara bersepadu dengan agensi lain telah mengadakan Ops Mega Perangi Aedes yang dilaksanakan selama sebulan bermula dari 23 September 2016 sehingga 23 Oktober 2016 melibatkan projek rumah terbengkalai, tanah/lot kosong dan tapak binaan di seluruh negara. Dari 23 September hingga 22 Oktober 2016, anggota KKM dan PBT telah memeriksa sebanyak 34,196 premis, 268 kompaun dikeluarkan dengan nilai RM134,000. Di samping itu, sebanyak 139 notis Seksyen 8 (APSP) dikeluarkan untuk aktiviti pembersihan, 91 tapak binaan telah ditutup dan 61 kes akan dibuat pendakwaan di mahkamah.

Pada minggu ke-42 tahun 2016, iaitu dari 16 hingga 22 Oktober 2016, sebanyak 1,462 kes telah dilaporkan berbanding 1,654 kes pada minggu sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 192 kes (11.6%). Lima (5) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya adalah Sarawak, Perlis, Terengganu, Pulau Pinang dan Kedah. Jumlah kumulatif kes Demam Denggi dari Januari hingga 22 Oktober 2016 adalah 87,890 kes dan ini menunjukkan penurunan sebanyak 10.8% (10,618 kes) berbanding tempoh yang sama tahun 2015 yang telah melaporkan sebanyak 98,508 kes.

Pada minggu ke-41 juga terdapat enam (6) kematian yang dilaporkan. Oleh itu, jumlah kumulatif kematian Denggi di Malaysia dari Januari sehingga 22 Oktober 2016 menunjukkan pengurangan sebanyak 25.5% (68 kematian), iaitu 199 kematian berbanding 267 kematian pada tahun 2015.

Selain itu, terdapat penurunan lokaliti wabak Denggi iaitu daripada 546 lokaliti pada minggu sebelumnya kepada 534 lokaliti wabak pada minggu ke-41 dengan peratusan penurunan 1.0%. Lokaliti hotspot juga menunjukkan penurunan daripada 74 lokaliti kepada 66 lokaliti iaitu di Selangor (57 lokaliti), Kelantan (5 lokaliti) dan masing-masing satu (1) lokaliti di Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan dan Johor.

Berdasarkan laporan situasi terkini penyakit Zika yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 20 Oktober 2016, terdapat sebanyak 73 buah negara yang melaporkan jangkitan Zika ketika ini. Bagi situasi di Malaysia pula, sebanyak tujuh (7) kes yang disahkan positif Zika telah dilaporkan dari 1 September 2016 sehingga 15 Oktober 2016. Pemantauan surveilans makmal oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari bulan Jun 2015 sehingga 22 Oktober 2016, turut mendapati keputusan ujian yang negatif bagi 1,435 sampel darah dan air kencing yang telah diuji daripada pesakit yang menunjukkan gejala virus Zika.

Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

 **Oktober 2016**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 42/2016
(16 hingga 22 Oktober 2016)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 42/2016		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 42/2015	
		Minggu 42 (16 Okt – 22 Okt 2016)		Minggu 41 (9 Okt – 15 Okt 2016)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	8	0	3	0	153	1	180	1
2	Kedah	17	0	16	0	802	2	754	11
3	P. Pinang	30	0	28	0	2,291	12	4,408	13
4	Perak	55	0	58	0	3,081	9	8,157	22
5	Selangor	673	2	785	0	45,432	68	52,475	106
6	WP KL & Putrajaya	154	1	188	0	7,474	17	6,756	32
7	N. Sembilan	48	1	55	1	2,353	24	1,864	12
8	Melaka	18	0	27	0	1,941	6	1,865	6
9	Johor	123	0	132	0	9,712	19	12,641	36
10	Pahang	72	0	89	0	2,334	7	2,268	10
11	Terengganu	18	2	16	0	1,867	17	984	3
12	Kelantan	133	0	139	1	5,080	9	2,345	6
13	Sarawak	52	0	44	0	2,302	6	1,624	3
14	Sabah	60	0	73	1	3,057	2	2,185	6
15	WP Labuan	1	0	1	0	11	0	2	0
	MALAYSIA	1,462	6	1,654	3	87,890	199	98,508	267

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 22 OKTOBER 2016 (Mg 42)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	42	135
2	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	47	128
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mutiara Subang : Blok 1 - 7)	32	124
4	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 7 - Rumah Kedai)	67	118
5	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	32	107
6	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 6)	81	100
7	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 6 Gugusan Tanjung	49	88
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	30	81
9	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	9	81
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	21	78
11	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 5)	13	72
12	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	29	72
13	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (C)	19	71
14	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Angsana Pandan Indah	13	64
15	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	12	64
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	10	63
17	KELANTAN	Kota Bharu	Pulong	37	63
18	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 Teres B	26	62

19	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	27	62
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat J : Blok 79 - 84)	24	61
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	20	61
22	KELANTAN	Kota Bharu	Telok Baru 2	26	61
23	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	12	59
24	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 6	17	59
25	SELANGOR	Gombak	Kg Pasir Ulu Klang	14	58
26	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 5 Taman Puncak Saujana	32	58
27	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Rampai Idaman	10	58
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Bestari Teres A : Jln U5/47 - U5/62)	15	57
29	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Serdang	10	53
30	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Ukay	19	52
31	SELANGOR	Gombak	Appt Residensi Bistaria	12	50
32	KELANTAN	Kota Bharu	Bandar Baru	14	49
33	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 6 Bandar Rinching	13	48
34	SELANGOR	Hulu Langat	Venice Hill Condominium	22	47
35	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Cuepacs Batu 12	19	47
36	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sutera 2 Taman Sutera	8	45
37	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Berjaya	13	45
38	SELANGOR	Petaling	Tmn Universiti Indah 1 (Jln Indah 1/11 - 1/29 - No. Ganjil)	13	45
39	SELANGOR	Sepang	Mutiara Ville Cyberjaya	14	45
40	SELANGOR	Petaling	Seksyen U18 (Kg Sg Plong)	6	44
41	P. PINANG	Barat Daya	D'piazza Condominium	17	42
42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Medan Seksyen 9 Bandar Baru Bangi	5	42
43	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Mutiara Subang Kaw Perindustrian A)	15	42

44	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 11 (The Sanderson Condo)	7	41
45	KELANTAN	Kota Bharu	Padang Bongor	15	41
46	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2	8	40
47	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai_Jln Pulasan 1-26	11	40
48	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Anggerik-Exora Taman Bukit Belimbing	9	39
49	SELANGOR	Petaling	Bi Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	16	39
50	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 2	6	39
51	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b)	6	38
52	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Nusa Subang : Jln U5/105 - U5/112b)	6	38
53	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2/5 Seksyen 2 Bandar Sri Putra	11	36
54	N SEMBILAN	Seremban	Garden Homes (Fasa F)	18	36
55	SELANGOR	Petaling	Du Ss 21 (1)	11	35
56	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 (Flat A : Blok 1 - 4, Blok 9 - 16)	25	33
57	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	13	33
58	KELANTAN	Kota Bharu	Pantai Dasar	11	33
59	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Halaman 2-8 5a Taman Halaman	10	32
60	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Apt Subang Ville Ehsan	6	32
61	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/8,4/8a-4/8e,4/7,4/7a Tasik Tambahan	8	31
62	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Cerdik Taman Universiti Kajang	17	31
63	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Ridzuan Kondo	6	31
64	SELANGOR	Petaling	Seri Kembangan 7	8	31
65	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Pangsapuri Sri Indah)	21	31
66	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Minang Cheras	6	31